

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 APRIL 2024

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 37

Ekonomi 2024 diramal tumbuh 4.3%

Ekonomi 2024 diramal tumbuh 4.3%

PETALING JAYA – Ekonomi Malaysia dijangka meningkat pada kadar 4.3 peratus tahun ini, sebelum berkembang lebih pantas sebanyak 4.4 peratus pada 2025, menurut laporan yang dikeluarkan Bank Dunia semalam.

Katanya dalam Tinjauan Kemiskinan Makro Ekonomi Asia Timur dan Pasifik, permintaan dalam negeri bakal terus menjadi penggerak utama pertumbuhan.

"Ruang fiskal yang sempit kekal merupakan cabaran utama dan kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah kecekapan perbelanjaan, termasuk menyamak subsidi dan kawalan harga sedia ada.

"Pada 2024, pertumbuhan dijangka meningkat apabila risiko kemelesetan global semakin surut, manakala pemulihan dalam kitaran teknologi yang boleh

meningkatkan eksport elektrik dan elektronik boleh mempunyai limpahan positif kepada pertumbuhan," katanya.

Sementara itu, Laporan Terkini Ekonomi Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia menyatakan, ekonomi negara sedang membangun di Asia Timur dan Pasifik berkembang lebih cepat berbanding global, meskipun lebih perlahan daripada fasa sebelum pandemik.


Jelasnya, ketika pemulihan perdagangan global dan keadaan kewangan yang mereda dijangka menyokong ekonomi di rantau ini, sementara peningkatan hutang serta perlindungan dan ketidakpastian dasar boleh menjejaskan pertumbuhan.

Pertumbuhan serantau diunjurkan lebih rendah kepada 4.5 peratus pada 2024 berbanding

5.1 peratus tahun lalu, manakala pertumbuhan dalam negara sedang membangun di Asia Timur dan Pasifik tidak termasuk China diunjurkan meningkat kepada 4.6 peratus tahun ini berbanding 4.4 peratus pada 2023.

Ketua Ekonomi Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia, Aaditya Mattoo berkata, walaupun pertumbuhan dalam pendapatan per kapita di rantau Asia Timur dan Pasifik telah mengatasi kebanyakan ekonomi membangun lain dalam beberapa dekad kebelakangan ini, ia telah didorong oleh pelaburan dan bukannya pertumbuhan produktiviti.

"Tindakan dasar yang berani untuk mencetuskan persaingan, menambah baik infrastruktur dan reformasi pendidikan boleh menggiatkan semula ekonomi rantau ini," ujarnya.



BANK DUNIA meramalkan Malaysia bakal menyaksikan pertumbuhan lebih mantap tahun ini. – GAMBAR HIASAN